



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
Aras 4-6, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03-88853000
Faks : 03-88892176
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(I)175/8/36-29/1

Tarikh : 20 April 2009

Senarai Edaran Seperti di Lampiran

Tuan/Puan,

PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA-KOREA DI REPUBLIK KOREA

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan/puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pihak tuan/puan untuk mengemukakan pencalonan di kalangan pegawai dan kakitangan sokongan di Kementerian / Jabatan tuan/puan untuk mengikuti program di atas. Program ini akan berlangsung selama sepuluh (10) hari mulai **6 Julai sehingga 15 Julai 2009**.

3. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- i. Permohonan adalah terbuka kepada pegawai di dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional serta kakitangan sokongan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan Kerajaan;
- ii. Telah disahkan dalam jawatan pada tarikh tutup permohonan;
- iii. Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;

- iv. Mencapai Laporan Nilaiian Prestasi Tahunan (LNPT) purata minimum 85% bagi tempoh genap 3 tahun kalender yang terkini berturut-turut (2005, 2006 & 2007 atau 2006, 2007 & 2008);
- v. Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA;
- vi. Tiada mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh satu tahun kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh dua tahun kebelakangan (dikira dari kursus ini bermula); dan
- vii. Umur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh kursus bermula.

4. Setiap kementerian / Jabatan boleh mengemukakan seramai dua (2) orang calon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Tarikh tutup pencalonan adalah **sebelum atau pada 22 Mei 2009**. Pencalonan yang diterima selepas 22 Mei 2009 tidak akan dipertimbangkan. Pencalonan hendaklah dimajukan ke alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Aras 5, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(u.p. Encik Mohd Faisal Bin Anuar)

No. Tel : 03 – 88853433/3371

No. Faks : 03 - 88892172

5. Bagi mengelakkan berlakunya penarikan diri apabila pegawai yang dicalonkan dipilih untuk mengikuti kursus ini, sila pastikan pencalonan dipersetujui oleh calon yang berkenaan terlebih dahulu.

6. Jabatan ini juga ingin memaklumkan bahawa pencalonan yang bakal dikemukakan oleh pihak tuan/puan nanti hendaklah disertakan dengan pengesahan kursus-kursus di luar negara yang pernah dihadiri oleh calon/pegawai berdasarkan buku perkhidmatan mereka.

7. Setiap permohonan mestilah dibuat dengan mengisi **Borang JPA(L)LDP 1A/96** (dilengkapkan oleh Jabatan) dan **Borang JPA(L)LDP 1B/96 [Pin. 1/2003]** (dilengkapkan oleh calon). Bersama-sama ini disertakan sesalinan borang-borang tersebut untuk tindakan pihak tuan/puan selanjutnya. Borang permohonan boleh juga didapati daripada laman web JPA di www.jpa.gov.my. Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan bersama dokumen – dokumen berikut:

- i. Borang Pengesahan Kursus Di Luar Negara (dilengkapkan oleh Kementerian/Jabatan);
- ii. Borang Kelulusan ke Luar Negara (yang telah diluluskan di peringkat Kementerian/Jabatan);
- iii. Senarai tugas; dan
- iv. Salinan Kad Pengenalan calon.

Kerjasama pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SITI ZAHARAH BINTI OMAR)

Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA